



BAB VIII

TUNTUTAN ELAUN DAN KEMUDAHAN BAGI PEGAWAI SEMASA BERKURSUS

“Karakter seperti sebuah pohon, dan reputasi seperti bayangannya.
Kita sering memikirkan bayangan, padahal yang utama adalah pohonnya.”

Abraham Lincoln

TUNTUTAN ELAUN DAN KEMUDAHAN BAGI PEGAWAI SEMASA BERKURSUS

1.0 PENGENALAN

Pegawai Universiti yang diarahkan menghadiri kursus samada dalam dan luar negara layak menuntut elaun-elaun dan kemudahan mengikut kadar dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

2.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan tatacara bayaran tuntutan elaun dan kemudahan bagi pegawai semasa berkursus di dalam dan luar negeri.

a) Tafsiran

- i. **“Dalam Negeri”** - rujuk tafsiran seperti Bertugas rasmi
- ii. **“Ibu Pejabat”** - rujuk tafsiran seperti Bertugas rasmi
- iii. **“Gred / Kategori”** - rujuk tafsiran seperti Bertugas rasmi
- iv. **“Keluarga Pegawai”** - rujuk tafsiran seperti Bertugas rasmi
- v. **“Kursus”** bermakna sebarang kursus atau latihan yang berupa akademik atau pratikal, lawatan sambil belajar, seminar dan bengkel, yang bercorak latihan.
- vi. **“Kajian Luar”** bermakna sebarang aktiviti yang diarahkan oleh Universiti sama ada untuk membuat sesuatu penyelidikan ataupun disangkutkan di sesuatu Jabatan termasuk lawatan yang akan diadakan dalam tempoh berkursus.

- vii. **“Kursus Panjang”** bermakna sebarang kursus sepenuh masa yang tempohnya adalah melebihi tiga (3) bulan dan termasuk hari-hari hujung minggu dan kelepasan am.
- viii. **“Kursus Pendek”** bermakna sebarang kursus sepenuh masa yang tempohnya adalah tiga (3) bulan atau kurang termasuk hari-hari hujung minggu dan kelepasan am.
- ix. **“Kursus Sambilan”** bermakna sebarang kursus yang dijalankan secara sambilan selepas waktu pejabat.
- x. **“Luar Negeri”** bermakna negara-negara selain daripada Malaysia, Selatan Thailand dan Kalimantan.
- xi. **“Penganjur”** bermakna badan yang membiayai sebahagian besar perbelanjaan kursus.
- xii. **Universiti”** bermakna tempat di mana sebahagian besar sesuatu kursus itu dijalankan dan bagi tempoh kursus itu, Universiti adalah ditakrifkan sebagai Ibu Pejabat.
- xiii. **“Pegawai”** bermakna seseorang pegawai Universiti yang dilantik secara tetap, sementara, sambilan, kontrak atau sangkut.

3.0 ELAUN DAN KEMUDAHAN YANG BOLEH DITUNTUT

- a) Di Luar Kawasan Ibu Pejabat
 - i. Elaun Makan dan Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit mengikut had maksimumnya atau Elaun Lojing bagi sepanjang tempoh kursus mengikut kursus mengikut kadar-kadar seperti **Lampiran 1**. Jika kemudahan tersebut tidak disediakan oleh Universiti atau Penganjur;
 - ii. Sekiranya salah satu kemudahan disediakan maka unsur yang tidak disediakan layak dituntutnya.

Sekiranya kemudahan penginapan sahaja disediakan maka pegawai layak menuntut Elaun Makan. Sekiranya hanya sebahagian daripada kemudahan makan disediakan pegawai hanya layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan itu tertakluk kepada kadar seperti berikut;

KETERANGAN	PERATUS DARIPADA ELAUN MAKAN
Sarapan Pagi	20%
Makan Tengahari	40%
Makan Malam	40%

- iii. Bayaran sewa hotel yang disokong dengan resit mengikut had maksimum kelayakannya atau Elaun Lojing dan Elaun Makan / Elaun Harian dalam tempoh dua (2) hari iaitu sehari sebelum dan sehari selepas kursus mengikut kadar Elaun Bertugas Rasmi.
- iv. Elaun Perjalanan atau Tambang Pengangkutan Awam seperti berikut:
 - (a) Perjalanan pergi balik dari rumah kediaman ke Pusat Pengajian sekali sahaja. Sekiranya tempat penginapan tidak disediakan atau tiada keperluan untuk bermalam, jumlah perjalanan pergi balik dari rumah kediaman ke Pusat Pengajian sekali sehari tidak melebihi 6 hari;
 - (b) Seseorang pegawai yang disangkutkan ke sesuatu pejabat dan diarahkan oleh Ketua Jabatan / Pegawai Pemerintah itu bagi menjalankan tugas rasmi layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan / Tambang Pengangkutan Awam mengikut kadar dan syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan;
 - (c) Elaun Perjalanan Kenderaan ini adalah tertakluk kepada syarat penggunaan kenderaan sendiri sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan;

- (d) Satu perjalanan dari Universiti ke tempat membuat penyelidikan atas arahan Universiti dan balik, sekali sahaja;
 - (e) Seseorang pegawai yang disangkutkan ke sesuatu Pejabat layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan / Tambang Pengangkutan Awam;
 - (f) Seseorang pegawai yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam adalah layak menuntut Tambang Pengangkutan Awam mengikut mana yang lebih murah dan sepatutnya dinaikinya seperti keretapi, kapal terbang dan lain-lain;
 - (g) Seseorang pegawai yang menggunakan kenderaan sendiri layak menuntut Tambang Gantian bagi satu perjalanan pergi dan balik sekali sahaja; dan
 - (h) Seseorang pegawai yang menuntut Tambang Gantian tidak layak menuntut apa-apa tambang atau bayaran tambahan.
- b) Kursus Pendek Di Luar Negeri
- i. Seseorang pegawai yang berkursus pendek di luar negeri layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran mengikut kadar kenderaan dan syarat-syarat seperti berikut:-
 - ii. Kadar Elaun Makan yang layak dituntut bagi sepanjang tempoh kursus sekiranya kemudahan makan tidak disediakan adalah seperti di **Lampiran 2**.
 - iii. Had maksimum kadar-kadar Bayaran Sewa Hotel / Elaun Lojing yang layak dituntut bagi sepanjang tempoh kursus sekiranya kemudahan penginapan tidak disediakan adalah mengikut kadar.
 - iv. Sekiranya salah satu kemudahan sahaja disediakan maka hanya unsur yang tidak disediakan itu layak dituntut (rujuk perenggan (2)(a)(i)[2]).

- v. Bayaran sewa hotel yang disokong dengan resit mengikut had maksimum kelayakannya atau Elaun Lojing dengan Elaun Makan bagi tempoh dua (2) hari iaitu sehari sebelum berkursus dan sehari selepas tamat kursus mengikut Kadar Elaun Bertugas Rasmi.
 - vi. Elaun Pakaian Panas sebanyak RM1,500.00 layak diberi kepada pegawai berkenaan:
 - (a) Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam seperti berikut:- Satu perjalanan dari tempat kediaman ke Lapangan Terbang dan balik, sekali sahaja;
 - (b) Satu perjalanan dari lapangan terbang ke Universiti/ Tempat Penginapan dan balik, sekali sahaja;
 - (c) Satu perjalanan dari Universiti ke Pejabat di mana pegawai itu disangkutkan dan balik, sekali sahaja;
 - (d) Satu perjalanan dari Universiti ke tempat penyelidikan atas arahan Pusat Pangajian dan balik, sekali sahaja;
 - vii. Bagi pegawai yang mengikuti kursus di luar negeri selama enam (6) hari atau kurang secara berterusan yang dikira mulai daripada tarikh kursus layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran mengikut kadar-kadar Elaun Bertugas Rasmi.
- c) Kursus Panjang Di Luar Negeri
- Seseorang pegawai yang mengikuti kursus panjang sama ada diiktiraf atau tidak sebagai kursus peringkat Diploma/Ijazah Pertama / Ijazah Lanjutan tertakluk kepada peraturan yang berasingan yang ditetapkan dari masa ke semasa oleh Universiti.

4.0 CARA PERMOHONAN

- a) Pegawai hendaklah mengemukakan Borang Tuntutan Elaun Perjalanan melalui Ketua PTJ ke Pejabat Bendahari sebelum 10 haribulan pada tiap-tiap bulan berikutnya.

- b) Semua Borang Tuntutan Elaun Perjalanan hendaklah disertakan bersama-sama dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:
- i. Surat tawaran kursus/brosur kursus daripada Ketua PTJ;
 - ii. Surat kebenaran membawa kenderaan sendiri jika perjalanan melebihi 24 kilometer sehala;
 - iii. Bil/Invois/Resit asal untuk penginapan di hotel dan lain-lain perbelanjaan melebihi pelbagai; dan
 - iv. Lain-lain surat sokongan yang berkaitan.

LAMPIRAN 1

**KADAR ELAUN MAKAN, HOTEL DAN LOJING KERANA
BERKURSUS**

SSM Gred/ Kategori	Semenanjung Malaysia			Sabah dan Sarawak		
	Makan	Elaun Hotel	Lojing	Makan	Elaun Hotel	Lojing
Utama / Khas 'A' dan ke atas atau yang setaraf	90.00	Bilik Biasa	80.00	120.00	Bilik Biasa	85.00
Utama 'B' dan 'C' atau yang setaraf	90.00	Bilik Biasa	75.00	120.00	Bilik Biasa	80.00
53 dan 54 atau yang setaraf	70.00	Bilik Biasa	70.00	90.00	Bilik Biasa	75.00
45 hingga 52 atau yang setaraf	60.00	145.00	60.00	80.00	160.00	70.00
41 hingga 44 atau yang setaraf	45.00	130.00	55.00	65.00	140.00	60.00
17 hingga 40 atau yang setaraf	40.00	80.00	35.00	55.00	100.00	40.00
1 hingga 16 atau yang setaraf	35.00	65.00	30.00	50.00	80.00	35.00

LAMPIRAN 2

KADAR ELAUN MAKAN SEMASA BERKURSUS DI LUAR NEGERI

Gred / Kategori	Kadar Sehari (RM)
Utama / Khas 'A' dan ke atas atau yang setaraf	300.00
Utama 'B' dan 'C' atau yang setaraf	270.00
53 dan 54 atau yang setaraf	240.00
45 hingga 52 atau yang setaraf	200.00
Pegawai selain daripada di atas atau yang setaraf	Jadual A

LAMPIRAN 3

**KADAR ELAUN MAKAN, SEWA HOTEL/ LOJING SEMASA BERTUGAS RASMI/
BERKURSUS DI LUAR NEGARA**

GRED SKIM SARAAN MALAYSIA	Elaun Makan (RM)		Sewa Hotel (RM)		Elaun Lojing (RM)	
	Tugas Rasmi	Berkursus	Tugas Rasmi	Berkursus	Tugas Rasmi	Berkursus
Utama/Khas 'A' dan ke atas atau Yang Setaraf	370.00	300.00	Bilik Suite Biasa	Bilik Biasa	Jadual A	Jadual A
Utama/Khas 'B' dan 'C' atau Yang Setaraf	340.00	270.00	Bilik Biasa	Bilik Biasa	Jadual A	Jadual A
53 dan 54 atau Yang Setaraf	320.00	240.00	Bilik Biasa	Bilik Biasa	Jadual A	Jadual A
45 hingga 52 atau Yang Setaraf	270.00	200.00	Bilik Biasa	Jadual A	Jadual A	Jadual A
Pegawai selain daripada diatas atau Yang setaraf	Jadual A	Jadual A	Bilik Biasa	Jadual A	Jadual A	Jadual A

JADUAL A

Kategori Negara	Elaun Makan (RM)	Sewa Hotel (RM)			Elaun Lojing (RM)	
	Tugas Rasmi	Berkursus	Tugas Rasmi	Berkursus	Tugas Rasmi	Berkursus
Kategori I	175.00	100.00	400.00	200.00	100.00	100.00
Kategori II	195.00	120.00	440.00	300.00	120.00	120.00
Kategori III	215.00	140.00	480.00	400.00	140.00	140.00
Kategori IV	235.00	160.00	520.00	500.00	160.00	160.00
Kategori V	255.00	180.00	560.00	600.00	180.00	180.00

KATEGORI I					
Afganistan	Chile	Karibati	Nepal	Portugal	Tuvalu
Bangladesh	Colombia	Laos	North Korea	Samoa	Vietnam
Bolivia	Equador	Maldives	Pakistan	Sri Lanka	
Bulgaria	Fiji	Mauritius	Peru	Tanzania	
Cambodia	India	Myanmar	Philippines	Tonga	
KATEGORI II					
Angola	Hungary	Morocco	Paraguay	Solomon Island	Vanuatu
Argentina	Indonesia	Mozambique	Poland	Swaziland	Zimbabwe
Botswana	Lesoto	Namibia	Republic Czech	Taiwan	
Ethiopia	Madagascar	Nauru	Republic Slovac	Thailand	
Ghana	Malawi	New Zealand	Senegal	Tunisia	
Greece	Mali	Papua New	Seychelles	Uganda	
Guinea	Malta	Gunea	South Africa	Uruguay	
KATEGORI III					
Albania	Balarus	Gibraltar	Kuwait	Netherland	Tajikistan
Algeria	Brunei Darussalam	Iraq	Kyrgyzstan	Norway	Turkmenistan
Armania	China	Ireland	Lebanon	Qatar	Ukraine
Australia	Cuba	Jamaica	Libya	Romania	Uzbekistan
Austria	Cyprus	Jordan	Luxembourg	Russia	
Azerbaijan	Egypt	Kazakstan	Moldova	Spain	
Bahrain	Georgia	Kenya	Mongolia	Sudan	
KATEGORI IV					
Belgium	Critia	Gambia	Nigeria	Surinam	Yemen
Bosnia-Herzegovina	Dahomey	Germany	Saudi Arabia	Switzerland	Zambia
Brazil	Denmark	Guyana	Serbia & Montenegro	Syria	
Canada	France	Niger	Singapore	Yenezuela	
KATEGORI V					
Barbados	Hong Kong	Japan	Oman	Sweden	Utd Arab Emirates
Dubai	Iran	Macau	South Korea	Trinidad Tobago	Utd Kingdom
Finland	Italy	Maxico	St Lucia	Turkey	USA